

11/12/1999

Penggal terakhir saya: Dr Mahathir

PUTRAJAYA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ini adalah penggal terakhir beliau menjadi Perdana Menteri walaupun ada rakyat masih mahukannya meneruskan perkhidmatan.

"Kelihatannya seperti itulah. Menjelang penggal depan, usia saya sudah begitu hampir 80 tahun, mata sudah pasti rabun, tidak nampak lagi.

"Ini akan menjadi penggal terakhir saya walaupun masih ada rakyat yang meminta saya meneruskan perkhidmatan untuk selama-lamanya. Tetapi untuk terus berkhidmat sudah pasti sukar," katanya selepas mengumumkan Kabinet barunya di sini, hari ini.

Perdana Menteri ditanya sama ada penggal pilihan raya ke-10 ini adalah yang terakhir baginya.

Sementara itu, ditanya mengenai kriteria penyusunan Kabinet kali ini, Dr Mahathir menjelaskan, semua aspek diambil kira terutama pengagihan kepada parti, negeri, wanita, lelaki, muka baru dan muka lama.

"Mereka mesti datang daripada parti yang betul, agihan peringkat negeri, di samping membuat pertimbangan mengenai prestasi. Banyak kriteria yang perlu dipertimbangkan, susah nak dapat nama-nama. Ia bukan sesuatu yang mudah, sebab itu lambat sikit," katanya.

Berhubung ketiadaan ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah di dalam Kabinet walaupun desas-desus sebelum ini menyebut beliau akan disenaraikan, Dr Mahathir berkata:

"Kita mengambil pertimbangan mengenai semua perkara. Dalam melantik menteri, jika seseorang itu tidak memenuhi kriteria, sudah tentu kita tidak boleh melantik mereka, walau siapa pun dia," tegasnya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, ketiadaan wakil dari Kelantan dan Terengganu dalam senarai Kabinet kali ini mungkin hanya untuk sementara kerana ketiadaan kekosongan untuk mereka.

"Untuk menjadikan mereka ahli kerajaan, mereka perlu menjadi ahli Dewan Negara. Malangnya tidak ada kekosongan di Dewan Negara.

"Sebab itu kita perlu nanti sehingga ada kekosongan. Pada waktu itu baru kita timbang untuk melantik mereka sebagai ahli Dewan Negara sebelum menjadi anggota kerajaan," katanya.

Mengenai kehadiran muka baru terutama bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Tan Sri Musa Mohamad sebagai Menteri Pendidikan, beliau berkata Barisan Nasional (BN) berpendapat ramai golongan akademik diperlukan untuk membantu pentadbiran kerajaan, tetapi kebanyakan mereka berada di luar parti.

"Mereka tidak dapat menyertai Umno secara berkesan sebab ada proses naik pangkat dalam cawangan, bahagian yang mengambil masa terlalu panjang sedangkan mereka mempunyai kelebihan tertentu yang perlu diguna oleh kerajaan," katanya.

Ditanya sama ada Tun Daim Zainuddin yang sebelum ini dilaporkan ingin bersara, akan berkhidmat sehingga habis penggal, Perdana Menteri berkata tidak ada sebarang jaminan oleh mana-mana menteri mengenai kedudukan mereka dalam Kabinet.

"Beliau (Daim) tidak memberi sebarang janji dan sudah tentu tidak ada menteri yang boleh berjanji akan menjalankan tugas untuk sepanjang penggal kali ini. Saya mungkin mengambil keputusan untuk turut memecat mereka," katanya.

Mengenai kekurangan satu jawatan menteri untuk wanita kali ini, Dr Mahathir berkata ramai calon yang dikemukakan tidak memenuhi kriteria.

"Walaupun jumlah menteri wanita berkurangan satu, kita masih mengekalkan jumlah penyertaan wanita kepada lima iaitu dengan menambah jumlah timbalan menteri.

"Saya kesal kerana saya tidak boleh menyenaraikan tiga menteri wanita. Saya ingin mempunyai tiga atau lebih tetapi ia tidak dapat dilakukan... tapi kita akan menebusnya dengan cara lain," katanya.

(END)